

MAHATHIR - TIMUR W'W'W' 1983

KUALA LUMPUR, 19 OGOS (BERNAMA)-- DESAKAN KERAJAAN SUPAYA RAKYAT PANDANG KE TIMUR, BEKERJA KUAT DAN MENAMBAHKAN PENDAPATAN BUKANLAH KERANA TAKSUD DENGAN KEBENDAAN, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

SEBALIKNYA IA BERTUJUAN MENCAPAI KEBAHAGIAAN HIDUP INDIVIDU DAN MASYARAKAT SERTA KETEGUHAN IMAN, KATA PERDANA MENTERI KETIKA MERASMIKAN PERHIMPUNAN AGUNG UMNO DI SINI.

BELIAU YANG JUGA PRESIDEN UMNO MENEGASKAN BETAPA PERLU SEMUA LAPISAN RAKYAT MEMAHAMI DASAR DAN USAHA KERAJAAN SUPAYA TIDAK TERTIPU DENGAN MUSLIHAT PIHAK-PIHAK TERTENTU YANG INGIN MEHUTAR-BELITKAN KENYATAAN UNTUK MENDAPAT SOKONGAN RAKYAT.

+BAGI MEREKA INI, KUCAR KACIR, PECAH BELAH DAN LUMPUHNYA MASYARAKAT MELAYU DAN ISLAM ADALAH KORBAN YANG RINGAN ASALKAN MEREKA MENDAPAT SESUATU DI DUNIA INI BAGI DIRI MEREKA,+ KATA BELIAU.

SEBAGAI SEBUAH PARTI BERTANGGUNGJAWAB, UMNO TIDAK BOLEH MEMBIARKAN NAFSU MEREKA ITU MENGHANCURKAN PELUANG KEEMASAN YANG KINI BERADA DI TANGAN SELEPAS 500 TAHUN DI BAWAH PENJAJAHAN.

INILAH MASA BAGI MASYARAKAT MELAYU MENGUKUHKAN KEDUDUKAN EKONOMINYA DAN JIKA PELUANG INI DISIA-SIAKAN, IA TIDAK MUNGKIN KEMBALI LAGI, TAMBAHNYA. -- LAGI 1423/MB

KATANYA MALAYSIA TIDAK MAHU MENJADI SEPERTI SETENGAH-SETENGAH NEGARA ISLAM YANG DIBERI NIKMAT OLEH TUHAN TETAPI MENGHABISKAN MASA, TENAGA DAN KEKAYAAN UNTUK BERTELINGKAH SESAMA SENDIRI.

SEKARANG DENGAN JATUHNYA HARGA MINYAK, NEGARA-NEGARA ITU TERPAKSA MENGIKUT TELUNJUK KOMUNIS DAN KUASA-KUASA BARAT, KATA BELIAU.

MENYENTUH DASAR PANDANG KE TIMUR, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEJAK PORTUGIS MENAWAN MELAKA, ORANG-ORANG MALAYSIA TERUTAMA MASYARAKAT MELAYU MENGALAMI SATU JENIS RASA RENDAH DIRI DAN AMALAN MENGHANTAR PENUNTUT KE NEGARA-NEGARA BARAT TIDAK MENOLONG MENGURANGKAN KEADAAN TERSEBUT.

INI KERANA KEADAAN DI BARAT SUDAH BERUBAH. FALSAFAH HIDUP ORANG BARAT KINI HANYA MEMENTINGKAN KEPENTINGAN DIRI DAN KESERONOKAN --HAK UNTUK BERBOGEL DI KHALAYAK RAMAI, BERKAHWIN SESAMA LELAKI ATAU PEREMPUAN, ORANG GILA BERHAK BEBAS WALAU PUN HEMBUNUH ORANG SEMENTARA PENGGUNAAN DADAH MENJADI SEMAKIN BERLELUASA.

MEMANDANGKAN GEJALA-GEJALA ITU, KERAJAAN MEMBUAT KEPUTUSAN MENGURANGKAN PENGARUH BARAT DAN MENINGKATKAN PENGARUH TIMUR SUPAYA SATU PERSEIMBANGAN TECAPAI, TAMBAHNYA. -- LAGI 1430/MB

MAHATHIR - TIMUR 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA NEGARA-NEGARA TIMUR YANG MENGAMALKAN SOPAN SANTUN, KETERTIBAN, MENGHORMATI KEPENTINGAN MASYARAKAT DAN KELUARGA KINI LEBIH TENTERAM DAN MAJU DARI MASYARAKAT BARAT.

MENYENTUH SOAL-PENEKANAN SUPAYA RAJIN BEKERJA, BELIAU BERKATA MATLAMATNYA SUPAYA MASYARAKAT MENJADI LEBIH BAHAGIA DAN TENTERAM.

GALAKAN YANG DIBERIKAN UNTUK MENUBUHKAN PERUSAHAAN DAN PERDAGANGAN BUKAN KERANA KEUTAMAAN DIBERIKAN KEPADA KEUNTUNGAN UNTUK PEMILIK BERKENAAN TETAPI PELUANG PEKERJAAN DAN PERNIAGAAN SAMPINGAN.

BAGI SETIAP KILANG YANG DITUBUHKAN, RAMAI PENGANGGUR AKAN MEN-DAPAT PEKERJAAN, BANYAK PEMBEKAL DAN PENIAGA KECIL DAPAT MENUMPANG MENCARI NAFKAH SEMENTARA BANYAK PULA CUKAI DIPUNGUT.

DESAKAN KERAJAAN SUPAYA DIADAKAN RANCANGAN PERINDUSTRIAN DAN DIKEMBANGKAN PERNIAGAAN KHUSUSNYA UNTUK PENYERTAAN BUMIPUTRA BER-TUJUAN MELATIHKAN DIRI DALAM BIDANG PENGURUSAN DAN SERIBU SATU KENYATAAN LAGI YANG BERKAITAN DENGAN EKONOMI. -- LAGI 1435/MB

ICIC 0570

MAHATHIR - TIMUR 4 KUALA LUMPUR

UNTUK MENINGKATKAN DAYA PENGELUARAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMEKANKAN BETAPA PERLU SATU SIKAP BARU YANG MENGUTAMAKAN KERJA KERAS DAN KEPENTINGAN JANGKA PANJANG.

DENGAN PENGELUARAN TINGGI, KOS PENGELUARAN AKAN MENJADI RENDAH DAN BARANGAN MALAYSIA AKAN DAPAT BERSAING DENGAN LEBIH BERJAYA DALAM PASARAN ANTARABANGSA.

MENYENTUH KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA, PERDANA MENTERI BERKATA IA BERTUJUAN MENJADIKAN PIHAK SWASTA SEBAGAI RAKAN PERKONGSIAN KERAJAAN YANG PERLU DILAYAN DAN DIBANTU OLEH PENTADBIR.

INI AKAN MENJADIKAN MALAYSIA SEOLAH-OLAH SEBUAH SYARIKAT DI MANA KERAJAAN DAN SWASTA MENJADI PEMILIK DAN MEMPUNYAI MATLAMAT YANG SAMA, KATANYA.

BELIAU BERKATA PIHAK SWASTA YANG CERGAS DAN PINTAR AKAN MEMBAWA KEMAKMURAN DAN KEMAJUAN KEPADA SESEBUAH NEGARA.

OLEH ITU, TIDAK ADA SEBAB KENAPA PIHAK SWASTA HARUS DIANGGAP SEBAGAI MUSUH PENTADBIRAN, KATA BELIAU. -- BERNAMA 1440/MB